

# JURNAL AKADEMIK

**The Art of Modelling**

YAP YIN @ YAP KEE KONG

**Employment: Focus on Housework**

WEE CHONG HUI

**Evaluating Effectiveness of Teaching**

SICK GOH NGONG

**Towards A More Meaningful Financial Statement**

WEE SHU HUI

**The Independence of the Auditors –  
Fact or Fantasy**

ALLAN CHANG AIK LENG

**Masalah Pembelajaran Pelajar-Pelajar  
Institut Teknologi Mara Cawangan Sarawak**

HAMIDAH ABDUL NINGGAL

**Prinsip-Prinsip Pembentukan Huruf Cina**

LOW KUEK LONG

**Perkembangan Imbangan Pembayaran Malaysia  
1978-1987**

ROSITA HJ. SUHAIMI

ISSN 0128-263

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK**



# **MASALAH PEMBELAJARAN PELAJAR-PELAJAR INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK**

**oleh**  
**Hamidah Abdul Ninggal**

## **PENDAHULUAN**

Pada umumnya, setiap manusia dilahirkan dengan dua potensi utama iaitu potensi ke arah perkembangan yang positif dan potensi ke arah perkembangan yang negatif. Walau bagaimanapun semua manusia mempunyai potensi perkembangan ke arah positif, tetapi darjah keupayaannya mencapai potensi ini berbeza iaitu ada yang cepat dan ada yang lambat. Begitu juga halnya dengan masalah pembelajaran.

Setiap pelajar sudah pasti menghadapi masalah pembelajaran, tetapi perbezaannya ialah lebih kepada tindakan mereka terhadap masalah itu. Mereka lazimnya lebih biasa dengan kawalan luaran di mana ibubapa atau guru-guru sekolah menentukan cara dan masa mereka belajar. Sementara di peringkat pengajian tinggi mereka dikehendaki menentukan segala-galanya dengan sendiri. Masalah-masalah seperti perancangan, teknik dan motivasi pembelajaran adalah di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi, di samping masalah peribadi. Justeru itu, mereka perlu diberi panduan, tunjukajar dan pendedahan tentang strategi dan kaedah belajar yang berkesan. Tujuannya ialah untuk cuba membantu pelajar-pelajar menyesuaikan diri dengan sistem akademik yang baru.

Kebanyakan pelajar-pelajar kurang menyedari bahawa belajar memerlukan kemahiran ataupun kecekapan. Oleh itu mereka yang belajar tanpa kemahiran hanya membuang masa sahaja. Menurut Walter Pauk terdapat empat perkara yang menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang pelajar.<sup>1</sup>

- i) Pelajar haruslah mempunyai matlamat belajar yang nyata
- ii) Pelajar haruslah menyedari bahawa institusi pengajian tinggi memberi peluang yang unik bagi perkembangan intelektual dan mereka haruslah rela berkorban demi untuk mendapat peluang tersebut
- iii) Mempunyai teknik belajar yang baik
- iv) Mempunyai keazaman atau keinginan untuk belajar

## **PENTINGNYA PENYELIDIKAN**

Memang tidak dinafikan bahawa setiap pelajar sama ada peringkat pengajian tinggi ataupun rendah inginkan kejayaan yang cemerlang. Pencapaian ke arah itu bukan sahaja terletak pada minat tetapi juga cara mereka merancang pembelajaran mereka. Perancangan pembelajaran amat mustahak kerana cara belajar tidak sama antara seseorang dengan seseorang yang lain. Setiap pelajar perlukan cara belajar yang paling sesuai dengan dirinya. Dengan cara itu para pelajar bukan sahaja dapat mempelajari bahan-bahan pelajaran dengan sistematik dan teratur, tetapi juga mengurangkan sikap terlalu bergantung kepada pensyarah-pensyarah.

Menurut Alex Main, pelajar-pelajar yang efektif didapati mempunyai jadual belajar yang teratur, mengulangkaji pelajaran sebaik sahaja kuliah, tidak belajar di saat-saat akhir dan tidak mudah tertarik pada gangguan ketika belajar. Manakala pelajar-pelajar yang tidak

---

<sup>1</sup>Walter Pauk, *How to Study in College*, m.s.5.

efektif mudah kehilangan minat apabila mendapati pelajaran semakin sukar, membuat kerja-kerja kursus di saat-saat akhir, hanya belajar ketika peperiksaan menjelang serta belajar tanpa mengikut jadual.<sup>2</sup>

Belajar bukan sahaja memerlukan teknik-teknik tertentu tetapi daya konsentrasi juga penting pada seseorang pelajar. Setengah-setengah pelajar tidak mampu mengadakan konsentrasi ialah kerana tidak adanya minat, letih ataupun adanya gangguan-gangguan. Justeru itu pelajar-pelajar perlu mengetahui waktu mana ia merasa cergas untuk belajar, bilakah waktu ia merasa mampu untuk belajar walaupun ketika itu penyerapan pembelajaran tidak ditahap optima dan bila masanya penyerapan pembelajaran semakin merosot sekalipun dicuba sedaya upaya.

### MASALAH YANG DISELIDIKI

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji apakah masalah-masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ITM Cawangan Sarawak. Di samping itu pengkaji juga berminat untuk mengetahui adakah pelajar-pelajar yang telah menghadiri kursus teknik pembelajaran ataupun "thinking skills" juga menghadapi masalah yang sama.

Jika berdasarkan pada kajian-kajian yang dibuat terdahulu dari ini didapati bahawa kebanyakan pelajar-pelajar menghadapi masalah teknik pembelajaran. Justeru itu dalam penyelidikan ini masalah pembelajaran, dilihat dari 3 aspek iaitu rancangan pembelajaran, teknik pembelajaran dan motivasi pembelajaran.

### DEFINISI ISTILAH

**Rancangan Pembelajaran:** Perancangan ialah perkara yang penting sekali dalam proses pembelajaran. Merancang proses belajar bermaksud bahawa pelajar menyusun segala aktiviti belajar secara sistematik seperti pembahagian masa, keadaan tempat belajar serta alat-alat belajar diurus dengan baik. Seorang pelajar yang merancang pelajarannya akan membuat satu jadual belajar sendiri. Jadual ini mestilah dibenteng mengikut masa dan keupayaan masing-masing.

**Teknik Belajar:** Teknik belajar merangkumi kemahiran-kemahiran seperti kaedah membaca, teknik mencatat nota, serta persediaan menghadapi peperiksaan. Belajar dengan mempunyai kemahiran boleh menambah keberkesanan pembelajaran seseorang pelajar.

**Motivasi:** Motivasi diertikan sebagai dorongan, kehendak atau keperluan mencapai sesuatu matlamat. Konsep motivasi adalah berdasarkan pada prinsip tingkahlaku iaitu tingkahlaku yang telah diperkukuhkan (reinforce) pada masa lalu akan diulangi semula berbanding dengan yang tidak diperkukuhkan ataupun yang dikenakan dendaan. Contohnya pelajar yang menerima keputusan yang baik atau menerima pujian dari keluarga atau gurunya akan lebih bermotivasi untuk belajar berbanding dengan pelajar yang tidak memperolehi apa-apa ganjaran.

### SUMBER-SUMBER RUJUKAN

Profesor Tan Sri Dato Awang Had Salleh dalam kertaskerjanya yang bertajuk "Ke Arah Pencapaian Akademik Yang Cemerlang Di Kalangan Pelajar-Pelajar Bumiputera Melalui Kaunseling" mendapati sebab-sebab kegagalan bumiputera ialah:

---

<sup>2</sup>Ibid, m.s.5.

- i) punca-punca dalam diri pelajar seperti aspirasi dan cita-cita yang sederhana, semangat persaingan yang rendah dan ketiadaan motivasi yang kuat
- ii) berkaitan dengan penguasaan teknik pembelajaran termasuk penguasaan bahasa, teknik mengambil nota, teknik membaca, teknik memperoleh maklumat dan menjawab yang berkesan.
- iii) faktor-faktor luaran seperti faktor pemakanan, kemiskinan dan salah susunan kegiatan.<sup>3</sup>

Kajian oleh Siti Hawa Munji tentang penggunaan teknik belajar oleh pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak mendapati bahawa majoriti pelajar-pelajar tersebut tidak mengamalkan teknik belajar yang cekap lagi berkesan dan hasilnya mereka mencapai prestasi yang rendah. Selain dari itu ialah ketiadaan pendedahan dan kesedaran tentang keberkesanan teknik belajar.<sup>4</sup>

Sementara itu kajian yang dijalankan oleh Pusat Kerjaya dan Kaunseling ke atas pelajar-pelajar yang diletakkan di bawah perhatian juga mendapati bahawa teknik pembelajaran merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tersebut. Tabiat tidak mahu berbincang dengan pensyarah dan ketua-ketua kajian masing-masing dalam menghadapi masalah pelajaran memburukkan lagi keadaan. Tidak ramai bilangan pelajar yang mahu berjumpa pensyarah dan ketua-ketua kajian untuk berbincang masalah ini.

Chiam dalam kajiannya terhadap sekolah-sekolah luar bandar mendapati bahawa 60.9% daripada pelajar-pelajar menyedari bahawa kebiasaan belajar mereka tidak berkesan. Mereka biasanya menambah masa belajar untuk memperbaiki pencapaian masing-masing tetapi sering gagal dalam peperiksaan kerana kaedah yang digunakan tidak cekap dan tidak berkesan. Ini berbeza daripada remaja bandar yang berpendapat bahawa mereka tidak cukup belajar tetapi sebenarnya mereka telah menggunakan masa dengan aktiviti yang ada kaitannya dengan pelajaran mereka seperti menghadiri kelas bimbingan, menyiapkan kerja sekolah dan mengulang-kaji.<sup>5</sup>

Selain daripada kajian-kajian tempatan, kajian-kajian dari luar negeri juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar menghadapi masalah pembelajaran terutama sekali teknik pembelajaran.

Ruth M. Beard dan Isabel J. Senior mendapati bahawa kebanyakan pelajar menghadapi masalah teknik pembelajaran seperti teknik mengambil nota, memberi perhatian ketika kuliah, penggunaan buku teks serta cara-cara menulis esei. Mereka hanya mengharap pertolongan dari rakan-rakannya. Oleh itu mereka merasa tidak yakin akan kebolehannya untuk memperbaiki masalah tersebut. Manakala temuduga yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar Universiti Bradford mendapati bahawa pelajar-pelajar hanya mempraktikkan teknik belajar seperti teknik mengambil nota hanya pada awal semester.<sup>6</sup>

Walter Pauk pula menyatakan dua perkara yang membezakan kejayaan atau kegagalan pelajar-pelajar universiti, iaitu minat dan teknik belajar. Bagi pelajar-pelajar yang berjaya mereka menyatakan bahawa teknik belajar adalah lebih penting dibandingkan dengan minat mereka terhadap mata pelajaran. Manakala pelajar-pelajar yang gagal meletakkan minat sebagai faktor utama.<sup>7</sup>

<sup>3</sup>Awang Had Salleh, *Ke Arah Pencapaian Akademik Yang Cemerlang di Kalangan Pelajar-an Bumiputera Melalui Kaunseling*, m.s.6.

<sup>4</sup>Siti Hawa Munji, *Kajian Penggunaan Teknik Belajar Pelajar-Pelajar Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak*, m.s.40.

<sup>5</sup>Ibid, m.s.40.

<sup>6</sup>Ruth Mery Beard and Isabel J. Senior, *Motivating Student*, m.s.16.

<sup>7</sup>Walter Pauk, *How to Study in College*, m.s.6.

**PROSEDUR**

Dalam penyelidikan ini, soalselidik telah digunakan. Soalselidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu soalan-soalan yang berhubung dengan rancangan pembelajaran, teknik pembelajaran dan motivasi pembelajaran. Di bawah rancangan pembelajaran, soalan-soalan adalah berkaitan dengan cara mereka menggunakan masa, keadaan tempat belajar dan gangguan-gangguan ketika belajar. Teknik pembelajaran pula meliputi kemahiran-kemahiran seperti mencatat nota, membaca, membuat kertaskerja serta peperiksaan. Manakala motivasi pembelajaran melibatkan soal-soal minat.

Tiap-tiap bahagian soalselidik mengandungi sembilan belas soalan. Kesemua soalan tersebut berbentuk tertutup, di mana responden hanya diminta menjawab sama ada 'ya' ataupun 'tidak'.

'Ya' sekiranya mereka menghadapi masalah tersebut dan 'tidak' adalah sebaliknya. Di samping itu responden juga ditanya sama ada mereka pernah ataupun tidak pernah menghadiri kursus teknik pembelajaran ataupun kursus 'thinking skills'.

Sebanyak 200 soalselidik telah diedarkan dan hanya 141 soalselidik dikembalikan. Responden dipilih secara random tanpa mengira latar belakang ataupun kursus yang diikuti.

**JADUAL 1, REAKSI RESPONDEN KEPADA SOALSELIDIK**

| KURSUS          | BILANGAN  |
|-----------------|-----------|
| DIA             | 26 orang  |
| DBS             | 73 orang  |
| DIS             | 15 orang  |
| Pra Perdagangan | 27 orang  |
| JUMLAH          | 141 orang |

**ANALISA DATA SOALSELIDIK**

Dalam penyelidikan ini, cara menganalisa data ialah dengan menggunakan kaedah peratusan. Oleh kerana reaksi yang perlu diberikan oleh responden sama ada 'ya' atau 'tidak', jadi jumlah jawapan tersebut dikira pada tiap-tiap bahagian dan kemudian ditukar kepada peratusan. Berikut ialah analisa data yang telah dibuat melalui kaedah tersebut.

**JADUAL 2, REAKSI RESPONDEN PADA KETIGA-TIGA BAHAGIAN SOALSELIDIK**

| MASALAH PEMBELAJARAN   | REAKSI RESPONDEN |       |
|------------------------|------------------|-------|
|                        | YA               | TIDAK |
| Rancangan Pembelajaran | 53.5%            | 46.5% |
| Teknik Pembelajaran    | 54.8%            | 45.2% |
| Motivasi Pembelajaran  | 46.3%            | 53.7% |

Dari data di atas, jelas menunjukkan bahawa teknik pembelajaran memperoleh skor yang tinggi 54.8% diikuti dengan rancangan pembelajaran 53.5% dan motivasi pembelajaran 46.3%. Data tersebut diperolehi di bawah reaksi 'ya'.

Selain dari soalan-soalan yang berkaitan dengan masalah pembelajaran, responden juga ditanya sama ada mereka pernah mengikuti kursus teknik pembelajaran ataupun 'thinking skills'. Berikut ialah bilangan responden yang memberi reaksi masing-masing.

**JADUAL 3, REAKSI RESPONDEN KEPADA SOALAN TEKNIK PEMBELAJARAN ATAU 'THINKING SKILLS'**

| REAKSI                 | BILANGAN         |
|------------------------|------------------|
| Pernah mengikuti       | 92 orang         |
| Tidak pernah mengikuti | 43 orang         |
| Tidak menjawab         | 6 orang          |
| <b>JUMLAH</b>          | <b>141 orang</b> |

Bagi mereka yang pernah dan tidak pernah mengikuti kursus tersebut, masalah yang dihadapi adalah sama iaitu masalah teknik pembelajaran. Ini dapat dibuktikan melalui data di bawah.

**JADUAL 4, REAKSI RESPONDEN YANG MENGIKUTI DAN TIDAK MENGIKUTI KURSUS PADA MASALAH PEMBELAJARAN**

| REAKSI PADA KURSUS     | MASALAH PEMBELAJARAN |        |          |
|------------------------|----------------------|--------|----------|
|                        | RANCANGAN            | TEKNIK | MOTIVASI |
| Pernah mengikuti       | 55.5%                | 55.9%  | 45.3%    |
| Tidak pernah mengikuti | 51.8%                | 52.3%  | 49.6%    |

## RUMUSAN

Berdasarkan pada analisa data di atas, jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada pelajar-pelajar yang disoal selidik menghadapi masalah teknik belajar, diikuti dengan masalah rancangan pembelajaran dan motivasi pembelajaran. Ini termasuklah juga pelajar-pelajar yang pernah dan tidak pernah mengikuti kursus teknik pembelajaran ataupun 'thinking skills'. Keputusan ini bersamaan dengan keputusan yang diperolehi oleh pengkaji-pengkaji yang telah lalu iaitu masalah teknik belajar.

Di bawah teknik pembelajaran, pelajar-pelajar didedahkan dengan cara-cara mengambil nota, teknik membaca dan persediaan untuk mengambil peperiksaan. Pada kebiasaannya semua pelajar-pelajar baru didedahkan dengan kursus teknik pembelajaran. Bagi mereka yang tidak berpeluang mengikuti kursus tersebut, mereka boleh mendapatkan bimbingan sama ada melalui kaunselor atau melalui pensyarah-pensyarah. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk membantu pelajar-pelajar menggunakan kaedah belajar yang lebih berkesan. Kaedah belajar yang kurang berkesan boleh menyebabkan pelajar-pelajar tidak berminat

pada pelajaran. Ini adalah kerana di bawah teknik pembelajaran, contohnya teknik membaca pelajar-pelajar diajar cara untuk mengekalkan minat ketika membaca dengan menggunakan kaedah SQ3R. Begitu juga halnya dengan teknik mengambil nota. Terdapat kecenderungan di kalangan pelajar-pelajar mengambil nota secara perkataan demi perkataan, pada hal yang diperlukan hanyalah catitan-catitan isi penting sahaja. Mengambil nota demikian memberikan masa yang banyak kepada pelajar untuk mengikuti kuliah dengan lebih tekun.

Teknik atau kemahiran belajar adalah berbeza antara seorang pelajar dengan yang lain. Oleh itu mustahak sekali bagi pelajar mencuba berbagai-bagai teknik belajar untuk mendapatkan kemahiran yang paling sesuai dengan diri masing-masing. Jadi yang penting di sini ialah sikap ingin mencuba. Malangnya, walaupun mereka pernah didedahkan kepada kursus-kursus pembelajaran, mereka masih lagi menghadapi masalah yang sama iaitu teknik belajar. Kemungkinan-kemungkinan yang dapat dibuat di sini ialah pelajar-pelajar tidak mempraktikkan apa yang telah dipelajari. Kehadiran mereka mungkin kerana terpaksa, lantaran itu apa yang dipelajari dan didengar boleh diibaratkan seperti mencurah air ke daun keladi. Pelajar-pelajar juga didapati lebih biasa dengan kaedah belajar di saat akhir. Belajar di saat akhir boleh menimbulkan rasa panik dan ketegangan yang akan mengurangkan kebolehan pelajar menghayati sepenuhnya dan akhirnya pelajar tidak dapat mencapai kejayaan.

Masalah di sini ialah keengganan untuk menukar tabiat pelajar dari cara yang lama kepada cara yang baru. Benjamin Franklin yang terkenal dengan prinsip premack menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti yang tidak suka dilakukan, contohnya belajar boleh digalakkan (encourage) dengan memberi ganjaran-ganjaran pada diri sendiri sebaik sahaja melakukan aktiviti-aktiviti tersebut.<sup>8</sup> Justeru itu untuk mengawal diri sendiri terhadap satu-satu tingkahlaku peritulah diketahui pertama sekali mengenalpasti apakah tingkahlaku yang ingin diubah, kedua bersungguh-sungguh untuk mengubah tingkahlaku tersebut dan ketiga menggunakan teknik-teknik yang efektif dalam mengubah tingkahlaku.

Selain dari menghadapi masalah teknik belajar, pelajar-pelajar juga didapati kurang mengetahui tentang perancangan untuk belajar. Perancangan amat mustahak kerana pelajar-pelajar dapat menentukan cara belajar, masa belajar, dan tempat belajar yang paling sesuai dengan diri mereka sendiri. Tanpa perancangan yang sempurna akan membawa pelajar kepada amalan belajar yang tidak berkesan.

Perancangan setiap minggu perlu dilakukan oleh pelajar-pelajar supaya mereka dapat mengetahui apakah kerja utama yang perlu dilakukan. Ketiadaan susunan kegiatan mereka secara teratur mengikuti keutamaan boleh menyebabkan ketiadaan kecemerlangan dalam pencapaian akademik di kalangan pelajar. Merancang pelajaran sahaja tanpa kerjasama yang baik dengan rakan-rakan tidak akan menghasilkan apa-apa keuntungan. Oleh itu dalam jadual belajar, pelajar-pelajar haruslah menentukan masa di mana mereka boleh berbincang dengan kawan-kawan ataupun pensyarah. Kerjasama begini amat baik sekali kerana dapat menambahkan lagi keyakinan diri terhadap pelajaran. Belajar bersendirian tidak memberikan peluang kepadanya untuk memastikan kefahaman itu.

Sementara itu motivasi pembelajaran tidak merupakan masalah yang utama kepada pelajar-pelajar. Ini adalah kerana mereka telahpun mempunyai matlamat yang nyata selepas mereka tamat nanti. Cuma apa yang perlu dilakukan oleh mereka ialah merapatkan hubungan dengan pensyarah-pensyarah agar mereka dapat berbincang dengan lebih mendalam lagi

---

<sup>8</sup>Linda Ferill Anis, *Study Technique*, m.s.3.



tentang masalah pelajaran dan kerjaya mereka. Di bawah soalselidik motivasi, hampir 60.5% daripada responden menyatakan bahawa mereka selalu merasa keberatan untuk membincangkan rancangan pelajaran dan kerjaya dengan pensyarah-pensyarah mereka. Di samping pensyarah, mereka juga boleh berbincang dengan kaunselor ataupun mentor masing-masing yang bukan sahaja terdiri dari kakitangan akademik tetapi juga kakitangan bukan akademik.

## **PENUTUP**

Penyelidikan ini memberikan kesimpulan bahawa pelajar-pelajar tidak mempunyai teknik belajar yang berkesan. Oleh kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang cara-cara belajar yang berkesan, banyak masa dan tenaga terbuang bagi menghasilkan pembelajaran yang sedikit. Pelajar-pelajar yang menunjukkan prestasi rendah berkemungkinan masih mengamalkan kaedah lama. Sepatutnya pelajar-pelajar sudah merancang cara belajar mereka di awal semester. Belajar dengan cara yang betul sekurang-kurangnya dapat menyedarkan bahawa mereka telah mencuba sedaya upaya dan sekiranya gagal sekurang-kurangnya mereka tidak seratus peratus berputus asa.

Di pusat-pusat pengajian tinggi khasnya ITM Cawangan Sarawak, segala macam kemudahan pembelajaran disediakan. Di antaranya ialah khidmat pensyarah sebagai pakar rujuk. Selain dari menjalankan tugas mendidik, pensyarah-pensyarah telahpun menguntukkan masa (consultation hours) untuk ditemui oleh pelajar-pelajar. Ini bertujuan untuk mendapatkan penjelasan terhadap sesuatu yang kurang difahami. Malangnya kemudahan ini tidak sepenuhnya dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar. Ini mungkin disebabkan oleh perasaan malu, tidak senang dan rasa segan untuk bertanya kepada pensyarah. Sikap ini sepatutnya dihapuskan di hati pelajar-pelajar.

Terdapat juga pelajar-pelajar yang mempunyai kecenderungan untuk melayan kepentingan jangka pendek daripada faedah jangka panjang. Orentasi waktu yang serupa ini mengakibatkan ujudnya cara pembelajaran yang kurang berkesan iaitu tabiat menangguhkan belajar ke saat akhir. Sedangkan pembelajaran yang lebih berkesan ialah mempunyai tindakan susulan dan urutan yang segera dan yang konstan sejak awal-awal semester.



**BIBLIOGRAFI**

1. Anis, L.F., **Study Techniques**, Brown Company Publishers, Iowa, 1983.
2. Awang Had Salleh, "Ke arah pencapaian akademik yang cemerlang dikalangan pelajar-pelajar", kertas kerja yang dibentangkan di Seminar ke 2 Kaunseling, USM, Pulau Pinang, 1986.
3. Ballard, B., & Clauchy J., **Study Abord: A manual For Asian Students**, Longman Malaysia Bhd., Kuala Lumpur, 1986.
4. Beard, R.M., & Senior, I.J., **Motivating Students**, Routledge & Kegan Paul, London, 1980.
5. Freeman, R., **Mastering Study Skills**, MacMilan Press Ltd., 1982.
6. Owen, S.V., Blount, H.P., & Moscow, H., **Educational Psychology: An Introduction**, Little Brown and Company, 1978.
7. Pauk, W., **How to study in college**, Houghton Mifflin Company, Boston, 1976.
8. Pusat Kerjaya & Kaunseling, **Kajian terhadap pelajar-pelajar yang diletakkan dibawah perhatian**, ITM Shah Alam.
9. Slavin, R.E., **Educational Psycholgy: Theory Into Practise**, Prentice Hall, New Jersey, 1986.
10. Siti Hawa Munji, **Kajian Penggunaan Teknik Pelajar oleh Pelajar-Pelajar UPM Cawangan Sarawak**, Universiti Pertanian Malaysia, 1987.

**ARAHAN**

Kajilidikan Teknik Pembelajaran terbahagi kepada 3 soalselidik yang pendek. Dengan ini anda akan mengetahui perancangan pembelajaran anda, teknik pembelajaran anda, dan masalah motivasi pembelajaran yang mungkin mengurangkan keberkesanan pencapaian akademik anda. Sekiranya anda menjawab dengan jujur soalan-soalan di dalam soalselidik ini, anda akan mengetahui apakah kelemahan anda di dalam pembelajaran.

Setiap 'soalselidik' mengandungi 19 soalan. Jawapan pada soalan-soalan tersebut ialah "Ya" atau "Tidak" dan anda perlu tandakan pada kotak-kotak yang berkenaan. Tidak terdapat jawapan yang betul atau salah.

Sila jawab soalan-soalan tersebut dengan cepat dan tepat. Jangan mengambil masa terlalu panjang pada tiap-tiap satu soalan. Dan jangan tinggalkan mana-mana soalan.

**KAJIAN RANCANGAN PEMBELAJARAN**

1. Adakah anda biasa menanggungkan kerja dan tugas hingga saat yang terakhir?
2. Adakah anda mendapati bahawa anda selalunya terlalu letih atau mengantuk untuk belajar dengan berkesan?
3. Adakah anda biasanya gagal untuk menyiapkan kerja anda pada masa yang ditetapkan?
4. Adakah anda selalu menghabiskan masa dengan membaca majalah, menonton televisyen atau berbual-bual kosong sedangkan anda sepatutnya belajar pada masa itu?
5. Adakah aktiviti-aktiviti sosial dan kesukaan selalunya menyebabkan anda mengabaikan kerja rumah anda?
6. Adakah anda mengambil masa sehari lebih sebelum anda mengulangkaji nota-nota kuliah anda?
7. Adakah anda mengisi masa di antara 8.00 pagi hingga 4.00 petang dengan aktiviti-aktiviti selain daripada belajar?
8. Adakah kadangkala anda mendapati bahawa beban kerja anda harus dihantar lebih cepat daripada masa yang dijangkakan?
9. Adakah anda merasakan bahawa anda mencapai hanya sedikit saja berbanding dengan jangka masa anda belajar?
10. Adakah meja belajar anda menghadapi tingkap, pintu atau sumber-sumber tarikan lain?
11. Adakah anda meletakkan gambar-gambar, atau cenderamata di atas meja belajar anda?
12. Adakah anda selalu belajar sambil berbaring di atas katil atau kerusi malas?
13. Adakah lampu yang digunakan terlalu terang untuk belajar?
14. Adakah meja belajar anda terlalu sempit sehinggakan anda tidak mencukupi ruang untuk belajar dengan lebih berkesan?
15. Adakah pelawat-pelawat yang berkunjung ke bilik anda sering mengganggu proses pembelajaran anda?
16. Adakah anda kerap belajar di depan televisyen, atau sambil mendengar radio?

17. Adakah majalah-majalah, poster-poster atau alat-peralatan kegemaran anda boleh kelihatan dengan jelas daripada tempat anda belajar?
18. Adakah proses pembelajaran anda sering diganggu oleh aktiviti-aktiviti dan bunyi bising daripada luar bilik anda?
19. Adakah proses pembelajaran anda sering terganggu disebabkan buku-buku dan bahan-bahan bacaan yang diperlukan tidak ada?

### **KAJIAN TEKNIK PEMBELAJARAN**

1. Adakah anda mula membaca buku teks tanpa mengkaji terlebih dahulu tajuk-tajuk utama?
2. Apabila membaca adakah anda mengeneipkan saja gambar-rajah, graf dan jadual-jadual?
3. Adakah anda mendapati sukar untuk mengesan fakta-fakta penting ketika anda membaca?
4. Adakah anda mendapati diri anda kadangkala memikirkan perkara yang luar daripada bahan bacaan anda ketika anda membaca?
5. Adakah anda mendapati sukar untuk memahami nota-nota kuliah anda apabila anda cuba membacanya kembali kemudian?
6. Adakah anda mendapati diri anda lambat menyalin nota-nota disebabkan anda tidak boleh menulis dengan cepat?
7. Pada awal semester adakah nota-nota kuliah anda tidak diorganisasikan dengan sistematik?
8. Biasanya, apabila mengambil nota, adakah anda menyalin tiap-tiap perkataan yang dituturkan oleh pensyarah anda?
9. Adakah anda menghadapi sebarang masalah dalam memilih tajuk essei atau laporan?
10. Adakah anda menghadapi masalah di dalam mengorganisasi bahan-bahan untuk membuat kertas-kerja atau laporan anda?
11. Adakah anda biasanya menyediakan rangka kasar kertas-kerja atau laporan yang anda tulis?
12. Dalam persediaan menghadapi peperiksaan, adakah anda menghafal formula-formula, definisi dan peraturan walaupun anda tidak memahaminya-dengan jelas?
13. Adakah anda menghadapi kesukaran membuat keputusan berhubung dengan apa dan bagaimana untuk belajar menghadapi ujian-ujian objektif?
14. Adakah anda menghadapi kesukaran di dalam mengorganisasikan bahan-bahan untuk dipelajari secara logical?
15. Adakah anda belajar disaat-saat akhir peperiksaan?
16. Adakah anda biasanya memulangkan kertas jawapan tanpa menyemak kembali?
17. Adakah anda biasanya tidak sempat menjawab semua soalan-soalan essei di dalam jangka masa yang diperuntukan?
18. Adakah anda biasanya kehilangan markah apabila menghadapi peperiksaan yang berbentuk 'benar-tidak' disebabkan anda tidak membaca soalan dengan teliti?
19. Adakah anda biasanya di dalam peperiksaan menghabiskan masa pada bahagian pertama dan seterusnya terpaksa bergopoh pada bahagian kedua dan seterusnya?

**KAJILIDIKAN MOTIVASI PEMBELAJARAN**

1. Adakah anda biasanya kehilangan minat pelajar selepas beberapa hari atau beberapa minggu berlalu?
2. Adakah anda merasa memadai belajar untuk lulus saja di dalam kursus yang anda ambil?
3. Adakah anda selalu merasakan keliru dan sukar membuat keputusan berhubung dengan matlamat pelajaran dan kerjaya yang ingin anda capai?
4. Adakah anda merasakan tidak berpatutan masa dan tenaga yang dihabiskan untuk mendapatkan pelajaran?
5. Adakah anda berpendapat bahawa mendapatkan kebahagiaan dan keseronokan dalam hidup lebih penting daripada mendapatkan pelajaran?
6. Biasakah anda menghabiskan masa di kelas termenung dan berangan-angan daripada mendengar apa yang dibicarakan oleh guru-guru anda?
7. Adakah anda menghadapi kesukaran untuk menumpukan perhatian pada pelajaran disebabkan kegelisahan, kebosanan dan lain-lain?
8. Adakah anda biasanya merasakan ingin berhenti daripada belajar dan terus mencari pekerjaan?
9. Adakah anda selalu merasakan apa yang diajar di sekolah tidak menyediakan anda untuk menghadapi dunia dewasa nanti?
10. Adakah anda belajar berdasarkan mood anda pada sesuatu masa tertentu?
11. Adakah anda selalu merasa bosan apabila membaca buku-buku?
12. Adakah anda selalu menunggu sesuatu ujian ditetapkan baru anda mula membaca buku?
13. Adakah anda beranggapan bahawa peperiksaan merupakan satu bebanan yang tidak dapat dielakkan?
14. Adakah anda merasakan bahawa guru-guru atau pensyarah-pensyarah anda kurang memahami kehendak dan minat pelajar-pelajar?
15. Adakah anda merasakan bahawa guru-guru atau pensyarah-pensyarah anda belajar lebih daripada masa yang terdapat di dalam jadual?
16. Adakah anda merasakan keberatan untuk mendapatkan bantuan daripada guru-guru atau pensyarah apabila anda menghadapi masalah dalam pelajaran?
17. Adakah anda merasakan bahawa guru-guru atau pensyarah-pensyarah anda tidak mengetahui dan mengikuti isu-isu dan peristiwa-peristiwa terbaharu?
18. Adakah anda selalu merasakan keberatan untuk membincangkan rancangan pelajaran dan kejayaan anda dengan guru-guru atau pensyarah anda?
19. Biasakah anda melahir kritikan-kritikan mengenai guru-guru atau pensyarah-pensyarah anda?

## KAJILIDIKAN TEKNIK PEMBELAJARAN

### KERTAS JAWAPAN

KURSUS :

JANTINA :

BAHAGIAN :

BANGSA :

Arahan: Jawab setiap soalan dengan ya atau tidak pada petak-petak berkenaan.

#### KAJILIDIKAN ORGANISASI PEMBELAJARAN

#### KAJILIDIKAN TEKNIK PEMBELAJARAN

#### KAJILIDIKAN MOTIVASI PEMBELAJARAN

|     | Ya                       | Tidak                    |     | Ya                       | Tidak                    |     | Ya                       | Tidak                    |
|-----|--------------------------|--------------------------|-----|--------------------------|--------------------------|-----|--------------------------|--------------------------|
| 1.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 1.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 1.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 2.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 2.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 3.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 3.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 4.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 4.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 5.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 5.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 6.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 6.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 7.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 7.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 8.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 8.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 8.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 9.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 9.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 9.  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 10. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 10. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 10. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 11. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 11. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 11. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 12. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 12. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 12. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 12. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 13. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 13. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 13. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 14. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 14. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 14. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 15. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 15. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 15. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 16. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 16. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 16. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 17. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 17. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 17. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 18. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 18. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 18. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 19. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 19. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 19. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 20. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | 20. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 20. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |     |                          |                          |     |                          |                          |

Skor \_\_\_\_\_

Skor \_\_\_\_\_

Skor \_\_\_\_\_

Jumlah

2. Adakah anda pernah mengikuti kursus study/thinking skills?

Ya:

Tidak: